

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Aspek yang dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan penganalisan dan perbincangan hasil kajian. Data-data dapat dikumpulkan daripada keputusan peperiksaan Bahasa Tamil peringkat PMR dan SPM, ujian karangan, ujian bacaan serta soal selidik yang diberikan kepada sampel. Kemudian dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif.

Penganalisan ini dibahagikan kepada dua bahagian yang mengandungi beberapa sub topik berdasarkan soalan-soalan kajian. Penganalisan bahagian A merangkumi pencapaian sampel dalam peperiksaan PMR dan SPM, penulisan serta bacaan yang dikendalikan oleh pengkaji. Bahagian B membincangkan dapatan-dapatan daripada soal selidik yang diberikan kepada sampel. Soal selidik merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan sikap sampel terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dalam jadual waktu dan luar jadual waktu yang mempengaruhi pencapaian pelajar.

#### **4.1 Pencapaian pelajar dalam PMR dan SPM**

Bagi mengetahui tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di daerah Muar, keputusan peperiksaan PMR dan SPM dari tahun 2005 hingga 2007

dianalisis. Penganalisan dibahagikan kepada pencapaian pelajar di dalam kelas biasa dengan pencapaian pelajar di dalam kelas POL.

#### 4.1.1 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa tahun 2005 peringkat PMR

**Jadual 10: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2005**

Sekolah	Jumlah Calon	A	B	C	D	E	% lulus
SMK Sagil	30	8	1	3	5	13	56.67
SMK Tun Mamat	13	2	0	6	3	2	84.62
SMK Ledang	18	3	3	3	2	7	61.11
SMK Seri Tangkak	29	3	8	5	6	7	75.86
SMK Tun Dr Ismail	4	0	1	1	2	0	100
SMK Bukit Pasir	7	1	0	1	2	3	57.14
SMK Sultan Alauddin Riayat Shah 1	22	3	4	2	6	7	68.18
SMK Tun Perak	2	0	1	0	0	1	50.00
Jumlah (N)	125	20	18	21	26	40	

Berdasarkan jadual di atas, hanya sebuah sekolah iaitu SMK Tun Dr Ismail sahaja mendapat pencapaian 100%. Sekolah-sekolah lain mendapat pencapaian lebih dari 50%. Jumlah calon yang mengambil Bahasa Tamil pada tahun 2005 ialah 125 orang pelajar. Dari 125 calon, 16% calon mendapat A, 14.4% calon mendapat B, 16.8% calon mendapat

C, 20.8% calon mendapat D dan 32% calon mendapat E. Peratus kelulusan pada tahun 2005 ialah 68%. Walau bagaimanapun peratus calon yang dapat E lebih tinggi berbanding dengan gred lain.

#### 4.1.2 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa tahun 2006 peringkat PMR

**Jadual 11: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2006**

Bil	Sekolah	Jumlah Calon	A	B	C	D	E	% lulus
1.	SMK Sagil	20	2	3	3	6	6	70
2.	SMK Tun Mamat	25	8	3	3	4	7	72
3.	SMK Ledang	20	9	3	5	0	3	85
4.	SMK Seri Tangkak	21	4	4	6	6	1	95.24
5.	SMK Tun Dr Ismail	4	1	1	0	1	1	75
6.	SMK Bukit Pasir	5	1	1	1	2	0	100
7.	SMK Sultan Alauddin Riayat Shah 1	17	2	3	3	1	8	52.94
8.	SMK Tun Perak	3	0	1	1	0	1	66.67
Jumlah (N)		115	27	19	22	20	27	

Pada tahun 2006, seramai 115 orang calon telah mengambil Bahasa Tamil. Dari jumlah pelajar tersebut, pelajar yang mendapat A adalah 27 orang (31.05%), B seramai 19 orang (16.52%), C sejumlah 22 orang (25.%), D seramai 20 orang (20%) dan E seramai 27 orang (31.05%). Peratus kelulusan iaitu jumlah pelajar yang mendapat

A+B+C+D adalah 88 orang (76.52%). Dari lapan buah sekolah hanya SMK Bukit Pasir sahaja yang mendapat 100%. Pencapaian kesemua sekolah adalah lebih dari 50%.

#### 4.1.3 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa tahun 2007 peringkat PMR

**Jadual 12: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2007**

Bil	Sekolah	Jumlah Calon	A	B	C	D	E	% lulus
1.	SMK Sagil	23	0	2	4	5	12	47.83
2.	SMK Tun Mamat	15	4	1	3	4	3	80
3.	SMK Ledang	25	6	4	3	7	5	80
4.	SMK Seri Tangkak	24	2	4	6	7	5	79.17
5.	SMK Tun Dr Ismail	4	2	0	0	0	2	50
6.	SMK Bukit Pasir	5	2	2	1	0	0	100
7.	SMK Sultan Alauddin Riayat 1	15	2	2	2	5	4	73.33
8.	SMK Tun Perak	4	1	0	0	2	0	75
Jumlah (N)		115	19	15	19	30	31	

Pelajar yang mendapat A adalah 19 orang (16.52%). B 13.04%, C 16.52%, D 26.08% dan E 27.82%. Seramai 115 orang calon telah mengambil Bahasa Tamil. Hanya SMK Bukit Pasir sahaja yang mendapat 100%. Peratus pencapaian SMK Sagil tidak memuaskan kerana peratus kelulusan kurang dari 50% iaitu 47.83% sahaja. Jikalau dibandingkan dengan tahun 2005 dan 2006, peratus kelulusan pada tahun 2007 adalah

sangat rendah. Pada tahun 2007 juga menunjukkan bahawa peratus pelajar yang mendapat gred E lebih tinggi berbanding gred lain iaitu 27.82%.

#### 4.1.4 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL pada tahun 2005 peringkat PMR

**Jadual 13: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2005**

Bil	Sekolah	Jumlah Calon	A	B	C	D	E	% lulus
1.	SMK (P) Sultan Abu Bakar	2	1	1	0	0	0	100
2.	SMK Convent	2	0	1	0	1	0	100
3.	Sekolah Tinggi Muar	3	0	1	2	0	0	100
4.	SMK Bukit Gambir	5	1	2	1	0	1	80
5.	SMK Tengku Temenggong Ahmad	2	0	0	0	0	2	0
Jumlah (N)		14	2	5	3	1	3	

Berdasarkan jadual di atas, seramai 14 orang calon telah mengambil bahasa Tamil pada tahun 2005. Tiga buah sekolah mendapat pencapaian 100%. Pencapaian SMK Tengku Temenggong Ahmad tidak memuaskan kerana peratus kelulusan adalah 0%. Pelajar-pelajar yang dapat gred A adalah 2 orang (14.28%), gred B seramai 5 orang (35.71%), gred C sejumlah 3 orang (21.42%), gred D seorang (7.14%) dan gred E 2 orang (21.42%). Peratus kelulusan adalah 78.57%.

#### 4.1.5 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL tahun 2006 peringkat PMR

**Jadual 14: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2006**

<b>Bil</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah Calon</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>D</b>	<b>E</b>	<b>% lulus</b>
1.	SMK (P) Sultan Abu Bakar	0	0	0	0	0	0	-
2.	SMK Convent	3	1	1	1	0	0	100
3.	Sekolah Tinggi Muar	5	1	1	1	2	0	100
4.	SMK Bukit Gambir	4	2	1	0	0	1	75
5.	SMK Tengku Temenggong Ahmad	4	2	0	1	0	1	75
Jumlah (N)		16	6	3	3	2	2	

Pada tahun 2006, seramai 16 calon telah mengambil kertas bahasa Tamil. Dari jumlah tersebut, 6 orang pelajar (37.5%) telah mendapat gred A, 3 orang pelajar mendapat gred B dan C (18.75%), 2 orang pelajar mendapat gred D dan E.(12.5%) Peratus gred A adalah lebih tinggi berbanding dengan gred lain. Peratus kelulusan adalah 87.5%. Dua buah sekolah mendapat pencapaian 100%.

#### 4.1.6 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL pada tahun 2007 peringkat PMR

**Jadual 15: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat PMR bagi tahun 2007**

Bil	Sekolah	Jumlah Calon	A	B	C	D	E	% lulus
1.	SMK (P) Sultan Abu Bakar	2	2	0	0	0	0	100
2.	SMK Convent	3	3	0	0	0	0	100
3.	Sekolah Tinggi Muar	4	3	1	0	0	0	100
4.	SMK Bukit Gambir	3	1	1	1	0	0	100
5.	SMK Tengku Temenggong Ahmad	1	0	0	1	0	0	100
Jumlah (N)		13	9	2	2	-	-	

Pada tahun 2007, seramai 13 orang pelajar mengambil kertas Bahasa Tamil. Dari jumlah tersebut, seramai 9 orang pelajar (69.23%) mendapat gred A. Seramai 2 (15.38%) orang pelajar mendapat Gred B dan C. Pencapaian pada tahun 2007 adalah sangat baik kerana tidak ada calon yang gagal. Kesemua sekolah mendapat pencapaian 100%.

#### 4.1.7 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa pada tahun 2005 peringkat SPM

**Jadual 16: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2005**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
1.	SMK Sagil	12	1	1	1	3	1	0	2	1	2	83.33
2.	SMK Tun Mamat	17	1	4	2	2	5	2	1	0	0	100
3.	SMK Ledang	18	2	6	3	1	2	1	1	1	1	94.44
4.	SMK Seri Tangkak	12	0	1	2	2	2	0	1	1	3	75
5.	SMK Tun Dr Ismail	4	0	1	1	1	1	0	0	0	0	100
6.	SMK Bukit Pasir	3	0	0	0	0	3	0	0	0	0	100
7.	SMK Sul.Alaudin	15	0	1	2	5	1	1	1	0	4	73.33
8.	SMK Tun Perak	3	0	0	0	1	1	0	0	0	1	66.67
	Jumlah (N)	84	4	14	11	15	16	4	6	3	11	

Berdasarkan jadual di atas, seramai 84 orang calon telah mengambil kertas bahasa Tamil di peringkat SPM. Pelajar yang mendapat 1A adalah 4 orang ( 4.76%), 2A 14 orang (16.67%), 3B 11 orang (13.9%), 4B 15 orang (17.85%), 5C 16 orang (19.04)%, 6C 4 orang (4.76%), 7D 6 orang (7.14%), 8E 3 orang (3.57%) dan 9F 11 orang (13.09%).



Peratus kelulusan adalah 86.91%. Sebanyak 3 buah sekolah mendapat pencapaian 100%.

Kesemua sekolah mendapat pencapaian lebih dari 65%.

#### 4.1.8 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa pada tahun 2006 peringkat SPM

**Jadual 17: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2006**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
1.	SMK Sagil	18	0	3	0	1	4	6	2	2	0	100
2.	SMK Tun Mamat	18	1	4	5	5	3	0	0	0	0	100
3.	SMK Ledang	14	2	1	3	0	5	1	2	0	0	100
4.	SMK Seri Tangkak	20	1	1	4	4	6	4	0	0	0	100
5.	SMK Tun Dr Ismail	2	0	0	1	0	0	1	0	0	0	100
6.	SMK Bukit Pasir	5	0	0	0	1	3	1	0	0	0	100
7.	SMK Sul.Alaudin	11	1	3	2	1	0	3	0	0	1	90.01
8.	SMK Tun Perak	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	100
	Jumlah (N)	89	5	12	15	13	21	16	4	2	1	

Pada tahun 2006 pula, seramai 89 orang calon telah mengambil kertas bahasa Tamil. Pelajar yang mendapat 1A adalah 5 orang (5.61%), 2A 12 orang (13.48%), 3B 15 orang (16.85%), 4B 13 orang (14.60%), 5C 21 orang (23.59%), 6C 16 orang (17.97%),

7D 4 orang (4.49%), 8E 2 orang (2.24%) dan 9F seorang (1.12%). Peratus kelulusan adalah 98.87%. Sebanyak 7 buah sekolah telah mendapat pencapaian 100%. Pencapaian pada tahun ini adalah sangat baik kerana sebanyak 92.13% pelajar dapat kepujian dalam Bahasa Tamil iaitu gred 1A hingga 6C.

#### 4.1.9 Pencapaian pelajar di dalam kelas biasa pada tahun 2007 peringkat SPM

**Jadual 18: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2007**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
<b>1.</b>	SMK Sagil	23	3	4	2	1	2	5	2	3	1	95.65
<b>2.</b>	SMK Tun Mamat	12	2	3	2	4	1	0	0	0	0	100
<b>3.</b>	SMK Ledang	11	1	2	3	0	1	2	2	0	0	100
<b>4.</b>	SMK Seri Tangkak	24	1	3	8	7	2	2	1	0	0	100
<b>5.</b>	SMK Tun Dr Ismail	5	0	0	0	0	2	1	0	0	2	60
<b>6.</b>	SMK Bukit Pasir	4	1	0	1	1	1	0	0	0	0	100
<b>7.</b>	SMK Sul.Alaudin	15	0	2	5	3	3	2	0	0	0	100
<b>8.</b>	SMK Tun Perak	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	100
	<b>Jumlah (N)</b>	<b>95</b>	<b>8</b>	<b>14</b>	<b>21</b>	<b>16</b>	<b>13</b>	<b>12</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	

Pada tahun 2007 pelajar yang mendapat 1A adalah 8 orang (8.42%), 2A 14 orang (14.73%), 3B 21 orang (22.10%), 4B 16 orang (16.84%), 5C 13 orang (13.68%), 6C 12 orang (12.63%), 7D 5 orang (5.26%), 8E dan 9 F seramai 3 orang (3.15%) dan 9F. Peratus kelulusan adalah 96.85%. Sebanyak 6 buah sekolah mendapat pencapaian 100%.

#### 4.1.10 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL pada tahun 2005 peringkat SPM

**Jadual 19: Penganalisisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2005**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
<b>1.</b>	SMK Sg Abong	2	0	0	0	1	0	0	0	1	0	100
<b>2.</b>	SMK Seri Muar	2	0	0	0	0	0	1	0	0	1	50
<b>3.</b>	Sek Sultan Abu Bakar	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	100
<b>4.</b>	SMK Bukit Gambir	3	1	0	1	0	0	1	0	0	0	100
<b>5.</b>	SMK Jln Junid	2	0	0	0	1	0	1	0	0	0	100
<b>6.</b>	SMK Tengku T.Ahmad	3	0	0	0	1	1	0	0	0	1	66.67
	<b>Jumlah (N)</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	

Pada tahun 2005 seramai 13 orang calon telah mengambil kertas Bahasa Tamil. Pelajar yang mendapat 1A sebanyak 2 orang (15.38%), 3B seorang (7.69%), 4B 3 orang (23.07%), 5C seorang (7.69%), 6C 3 orang (23.07%), 8E seorang (7.69%) dan 9F dua

orang (15.38%). Peratus kelulusan adalah 84.61%. Sebanyak 4 buah sekolah telah mendapat pencapaian 100%.

#### 4.1.11 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL pada tahun 2006 peringkat SPM

**Jadual 20: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2006**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
1.	SMK Jalan Junid	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0
2.	SMK Convent	5	1	2	1	1	0	0	0	0	0	100
3.	Sek Tinggi Muar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	-
4.	SMK Bukit Gambir	3	0	0	0	1	1	1	0	0	0	100
5.	SMK Tengku T.Ahmad	5	0	1	1	2	0	1	0	0	0	100
	Jumlah (N)	14	1	3	2	4	1	2	-	-	1	

Seramai 14 orang calon telah mengambil kertas Bahasa Tamil pada tahun 2006. Pelajar yang mendapat 1A adalah seorang (7.14%), 2A 3 orang (21.42%), 3B 2 orang(14.28%), 4B empat orang (28.57%) , 5C seorang (7.14%), 6C dua orang (14.28%) dan 9F seorang (7.14%). Peratus kelulusan adalah 92.86%. Sebanyak 3 buah sekolah telah mendapat pencapaian 100%. Pencapaian pada tahun ini adalah baik kerana sebanyak 92.86% pelajar dapat kepujian iaitu gred 1A hingga 6C dalam Bahasa Tamil. Di SMK Jalan Junid hanya seorang pelajar sahaja yang menduduki kertas Bahasa Tamil.

Malangnya pelajar tersebut gagal dan menyebabkan sekolah berkenaan mendapat 0% kelulusan bagi Bahasa Tamil.

#### 4.1.12 Pencapaian pelajar di dalam kelas POL tahun 2007 peringkat SPM

**Jadual 21: Penganalisan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat SPM bagi tahun 2007**

	<b>Sekolah</b>	<b>Jumlah calon</b>	<b>1A</b>	<b>2A</b>	<b>3B</b>	<b>4B</b>	<b>5C</b>	<b>6C</b>	<b>7D</b>	<b>8E</b>	<b>9F</b>	<b>% lulus</b>
<b>1.</b>	SMK Sul.Abu Bakar	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	100
<b>2.</b>	SMK Convent	2	0	1	0	0	1	0	0	0	0	100
<b>3.</b>	Sek Tinggi Muar	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	100
<b>4.</b>	SMK Bukit Gambir	4	0	2	1	0	0	0	1	0	0	100
<b>5.</b>	SMK Sg Abong	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	100
<b>6.</b>	SMK Seri Muar	2	0	0	0	0	2	0	0	0	0	100
	Jumlah (N)	11	-	3	1	1	4	1	1	-	-	

Berdasarkan jadual di atas, seramai 9 orang calon telah mengambil kertas bahasa Tamil di peringkat SPM. Tiada pelajar yang mendapat 1A pada tahun 2007. Pelajar yang mendapat 2A adalah 3 orang (27.27%), 3B seorang dan 4B seorang (9.09%), 5C 4 orang (36.3%), 6C dan 7D seorang (9.09%). Kesemua sekolah mendapat pencapaian 100%.

#### 4.2 Perbandingan pencapaian antara pelajar di dalam kelas biasa dengan pelajar kelas POL peringkat PMR dan SPM

Seterusnya keputusan peperiksaan PMR dan SPM dibandingkan antara pelajar yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dengan kelas POL. Bandingan ini bertujuan bagi mengetahui kumpulan pelajar yang mencapai pencapaian yang baik. Bandingan ini penting kerana dapatan kajian dapat dijadikan sebagai landasan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah di Malaysia.

**Jadual 22: Penganalisan prestasi antara kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dengan kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas POL dari tahun 2005-2007 peringkat PMR.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
Tahun	Calon	Peratus kelulusan	Tahun	Calon	Peratus kelulusan
2005	115	76.92 %	2005	14	96.00%
2006	125	69.62%	2006	16	87.5%
2007	115	73.16%	2007	13	100%

Berdasarkan jadual di atas kumpulan pelajar yang belajar di dalam kelas POL menunjukkan prestasi yang baik berbanding kumpulan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa. Jumlah calon yang belajar di dalam kelas POL adalah kurang berbanding dengan kumpulan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa. Perkara ini mungkin

menyebabkan prestasi kumpulan pelajar kelas POL lebih baik berbanding kumpulan pelajar kelas biasa.

**Jadual 23: Penganalisan prestasi antara kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas biasa dengan kumpulan pelajar yang diajar di dalam kelas POL dari tahun 2005-2007 peringkat SPM**

KELAS BIASA			KELAS POL		
Tahun	Calon	Peratus kelulusan	Tahun	Calon	Peratus kelulusan
2005	84	86.59 %	2005	13	86.11%
2006	89	98.75%	2006	14	90.00%
2007	95	94.45%	2007	11	100%

Di peringkat SPM pula, pada tahun 2005 dan 2006, prestasi kumpulan pelajar kelas biasa lebih baik berbanding kumpulan pelajar kelas POL. Walau bagaimanapun pada tahun 2007, kumpulan pelajar kelas POL menunjukkan prestasi baik berbanding kumpulan pelajar kelas biasa.. Seperti di peringkat PMR, bilangan pelajar kelas POL lebih rendah berbanding kumpulan pelajar dalam kelas biasa.

#### 4.3. Perbandingan penguasaan kemahiran menulis Bahasa Tamil antara pelajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL

Kemahiran menulis, merupakan salah satu kemahiran asas yang penting semasa pelajar berada di bangku sekolah. Jika pelajar gagal menguasai kemahiran menulis, maka pelajar berkenaan akan gagal dalam meluahkan buah fikiran semasa menulis karangan. Dalam kajian ini, pengkaji telah meminta sampel menulis sebuah karangan dan keputusan karangan tersebut dipaparkan di lampiran. Berikut adalah hasil perbandingan karangan antara pelajar kelas biasa dengan pelajar kelas POL.

**Jadual 24: Penganalisan tahap penguasaan kemahiran menulis Bahasa Tamil dalam kalangan antara pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
Gred	Kekerapan sampel	Peratus (%)	Gred	Kekerapan sampel	Peratus (%)
A	5	10	A	8	16
B	14	28	B	23	46
C	15	30	C	15	30
D	10	20	D	2	4
E	6	12	E	2	4
<b>Jumlah</b>	50	100		50	100

Mengikut andaian yang dilakukan didapati pelajar yang belajar di dalam kelas biasa hanya 10% ataupun 5 orang pelajar yang mendapat A dalam karangan berbanding 16% ataupun 8 orang pelajar yang belajar di dalam kelas POL. Seramai 23 (46%) orang pelajar kelas POL dapat gred B dalam karangan berbanding 14 (28%) orang pelajar yang



belajar di dalam kelas biasa. 6 (12%) orang pelajar yang belajar di dalam kelas biasa telah gagal dalam penulisan karangan. Manakala hanya 2 (4%) pelajar yang belajar di dalam kelas POL gagal. Secara keseluruhannya tahap penguasaan pelajar yang belajar di dalam kelas POL adalah lebih baik berbanding dengan pelajar yang belajar di dalam kelas biasa.

#### 4.4. Perbandingan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil antara pelajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL

Kemahiran membaca juga adalah kemahiran asas yang harus dikuasai oleh setiap pelajar. Masalah kelemahan dalam membaca boleh menggugat pencapaian mutu akademik setiap pelajar. Dalam kajian ini, setiap sampel telah membaca petikan kefahaman yang disediakan oleh pengkaji. Hasil dapatan dipaparkan dilampiran. Di bawah adalah hasil perbandingan antara pelajar kelas biasa dengan kelas POL.

**Jadual 25: Penganalisan tahap penguasaan kemahiran membaca Bahasa Tamil dalam kalangan antara pelajar yang belajar di dalam kelas biasa dengan kelas POL.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
Gred	Kekerapan sampel	Peratus (%)	Gred	Kekerapan sampel	Peratus (%)
A	18	36	A	25	50
B	8	16	B	16	32
C	9	18	C	3	6
D	11	22	D	6	12
E	4	8	E	-	-
<b>Jumlah</b>	50	100		50	100

Berdasarkan jadual di atas, sampel kelas POL mendapat gred A lebih banyak berbanding sampel kelas biasa. Seramai 50 (50%) orang sampel kelas POL telah mendapat gred A dalam penguasaan kemahiran membaca berbanding hanya 18 (36%) orang sampel kelas biasa. Seramai 16 (32%) sampel kelas POL mendapat gred B berbanding hanya 8 (16%) orang sampel kelas biasa. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada sampel kelas POL yang mendapat gred E. Berbanding dengan sampel kelas biasa, 8% sampel yang gagal menguasai kemahiran bacaan.

#### **4.5 Perbezaan dari segi sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan kelas POL yang mempengaruhi pencapaian pelajar**

Soalan-soalan yang dikemukakan dibahagikan kepada 2 kategori. Kategori pertama iaitu soalan 1 hingga 15 adalah berdasarkan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dan kategori kedua berdasarkan sikap pelajar terhadap guru Bahasa Tamil. Soalan-soalan kategori kedua meliputi soalan 16 hingga 28. Soalan-soalan ini dianalisis berdasarkan SPSS versi 10.0.

**Jadual 26: Pelajar berminat untuk mempelajari Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	25	50.0	<b>Sangat setuju</b>	25	50.0
<b>Setuju</b>	21	42.0	<b>Setuju</b>	13	26.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8.0	<b>Tidak tahu</b>	5	10.0
			<b>Tidak setuju</b>	7	14.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 1, seramai 46 orang (92%) sampel yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa berminat belajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan. Manakala hanya 38 orang (76%) sampel yang belajar bahasa Tamil di dalam kelas POL yang berminat belajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan. Dalam pada itu, Seramai 12 orang (24%) sampel yang belajar di dalam kelas POL tidak berminat belajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan. Bagi sampel yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa pula seramai 4 orang (8%) tidak berminat belajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan. Berdasarkan analisis di atas, kebanyakan sampel dari kedua-dua kumpulan lebih berminat belajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan iaitu dari pukul 7.30pagi hingga 2.00 petang (sesi pagi) atau 1.00 tengah hari hingga 6.40 petang (sesi petang).

**Jadual 27: Pelajar berminat untuk mempelajari Bahasa Tamil di luar waktu Persekolahan**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	1	2.0	<b>Sangat setuju</b>	14	28
<b>Setuju</b>	13	26.0	<b>Setuju</b>	18	36
<b>Tidak tahu</b>	6	12.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2
<b>Tidak setuju</b>	19	38.0	<b>Tidak setuju</b>	10	20
<b>Sangat tidak setuju</b>	11	22.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	7	14
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Dalam pada itu, suatu perkara yang menghairankan adalah pelajar yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas POL, iaitu seramai 32 orang (64%) menyatakan bahawa mereka berminat juga jika pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil dijalankan di luar waktu persekolahan iaitu sebagai kelas POL. Menerusi pemerhatian pengkaji didapati, sampel luar jadual waktu yang kini belajar Bahasa Tamil sebagai kelas POL sudah biasa dengan keadaan sekarang. Sehubungan dengan itu mereka sudah serasi belajar bahasa Tamil dalam kelas POL. Bagi sampel yang belajar bahasa Tamil kelas biasa pula hanya 14 orang (28%) sampel yang berminat belajar Bahasa Tamil dalam kelas POL. Baki 30 orang (60%) masih tidak setuju belajar Bahasa Tamil dalam kelas POL. Manakala 6 orang (12%) sampel dalam kelas biasa tidak dapat membuat keputusan berhubung dengan soalan 2.

**Jadual 28: Pelajar sentiasa ternanti-nantikan waktu mata pelajaran Bahasa Tamil**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	10	20	<b>Sangat setuju</b>	16	32.0
<b>Setuju</b>	18	36	<b>Setuju</b>	20	40.0
<b>Tidak tahu</b>	15	30	<b>Tidak tahu</b>	9	18.0
<b>Tidak setuju</b>	7	14	<b>Tidak setuju</b>	5	10.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Bagi soalan 3, Seramai 28 orang (56%) sampel yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan 36 orang (72%) sampel yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas POL sentiasa ternanti-nantikan waktu mata pelajaran Bahasa Tamil. Seramai 15 orang (30%) sampel kelas biasa dan 9 orang (18%) sampel kelas POL tidak dapat membuat keputusan berhubung dengan soalan 3. Manakala 7 orang (14%) sampel kelas biasa dan 5 orang (10%) sampel kelas POL tidak setuju dengan soalan 3. Jumlah sampel kelas POL yang sentiasa ternanti-nantikan waktu mata pelajaran Bahasa Tamil melebihi 8 orang (16%) berbandingan dengan sampel kelas biasa. Berdasarkan dapatan soalan 3, pengkaji membuat andaian bahawa kebanyakan sampel memang berminat mempelajari Bahasa Tamil.

**Jadual 29: Pelajar membuat persediaan awal sebelum bermulanya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	14	28.0	<b>Sangat setuju</b>	17	34.0
<b>Setuju</b>	7	14.0	<b>Setuju</b>	20	40.0
<b>Tidak tahu</b>	8	16.0	<b>Tidak tahu</b>	4	8.0
<b>Tidak setuju</b>	20	40.0	<b>Tidak setuju</b>	8	16.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 4, hanya seramai 21 orang (42%) sampel yang belajar bahasa Tamil di dalam kelas biasa menyatakan bahawa mereka membuat persediaan awal sebelum bermulanya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Bagi sampel kelas POL pula seramai 37 orang (74%) menyatakan mereka akan membuat persediaan awal sebelum bermulanya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Sampel kelas POL seramai 9 orang (18 %) menyatakan bahawa mereka tidak membuat persediaan awal. Manakala 21 orang (42%) sampel kelas biasa menyatakan yang mereka tidak membuat persediaan awal. Apabila seseorang pelajar membuat persediaan awal terhadap sesuatu mata pelajaran, memang mudah bagi pelajar berkenaan untuk memahami isi kandungan semasa guru menerangkannya. Jika tidak mungkin pelajar akan menghadapi masalah dalam memahami isi kandungan tersebut.

**Jadual 30: Pelajar sentiasa mengulangkaji Bahasa Tamil atas inisiatif sendiri**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	6	12	<b>Sangat setuju</b>	15	30.0
<b>Setuju</b>	10	20	<b>Setuju</b>	24	48.0
<b>Tidak tahu</b>	7	14	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	25	50	<b>Tidak setuju</b>	3	6.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4	<b>Sangat tidak setuju</b>	7	14.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Daripada jadual di atas didapati bahawa, 16 (32%) responden yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan 39 (78%) responden yang belajar di dalam kelas POL sentiasa mengulangkaji Bahasa Tamil atas inisiatif sendiri. Respondan kelas biasa seramai 27 orang (54%) berpendapat bahawa mereka tidak mengulangkaji Bahasa Tamil atas inisiatif sendiri. Respondan kelas POL melebihi 23 orang (46%) dalam usaha mengulangkaji Bahasa Tamil atas inisiatif sendiri berbanding dengan responden kelas biasa. Mengulangkaji merupakan satu aspek yang sangat penting bagi para pelajar bagi memperkukuhkan lagi cabang ilmu yang mereka belajar di sekolah. Jika mereka tidak mengulangkaji pelajaran yang mereka belajar mungkin mereka boleh gagal dalam peperiksaan.

**Jadual 31: Pelajar berminat mempelajari Bahasa Tamil kerana ada banyak rakan dalam kelas berkenaan**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	12	24	<b>Sangat setuju</b>	6	12.0
<b>Setuju</b>	5	10	<b>Setuju</b>	7	14.0
<b>Tidak tahu</b>	6	12	<b>Tidak tahu</b>	10	20.0
<b>Tidak setuju</b>	20	40	<b>Tidak setuju</b>	11	22.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	7	12	<b>Sangat tidak setuju</b>	16	32.0
<b>Jumlah</b>	50	100	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 6, sampel dalam kelas biasa dan kelas POL masing-masing 27 orang (52%) sampel berpendapat bahawa mereka berminat mempelajari Bahasa Tamil bukan kerana rakan sebaya yang berada dalam kelas berkenaan. Walaubagaimanapun masih terdapat 17 orang (34%) sampel kelas biasa dan 13 orang (26%) sampel kelas POL berpendapat bahawa mereka terpengaruh ke atas rakan sebaya mereka. Daripada dapatan di atas pengkaji membuat andaian bahawa pengaruh rakan sebaya dalam pembelajaran Bahasa Tamil adalah kurang.



**Jadual 32: Pelajar kerap mengantuk semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Setuju</b>	6	12	<b>Sangat setuju</b>	1	2.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8	<b>Setuju</b>	3	6.0
<b>Tidak setuju</b>	26	52	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	14	28	<b>Tidak setuju</b>	15	30.0
			<b>Sangat tidak setuju</b>	30	60.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Dalam soalan 7, kebanyakan sampel berpendapat bahawa mereka tidak mengantuk dalam kelas Bahasa Tamil. 40 orang (80%) sampel kelas biasa dan 45 orang (90%) sampel kelas POL menyatakan bahawa mereka tidak mengantuk dalam kelas Bahasa Tamil. Hanya 10 orang (20%) sampel kelas biasa dan 4 orang (8%) sampel kelas POL yang berasa mengantuk semasa berada dalam kelas Bahasa Tamil. Di daerah Muar kelas Bahasa Tamil luar jadual waktu (POL) diadakan pada sebelah petang. Seramai 30 orang (60%) sampel menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju bahawa mereka mengantuk semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dijalankan. Hal ini merupakan sikap positif yang ditunjukkan oleh para sampel berkenaan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

**Jadual 33: Pelajar benci akan mata pelajaran Bahasa Tamil kerana terlalu banyak tatabahasa dan sukar difahami.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Setuju</b>	5	10.0	<b>Setuju</b>	2	4.0
<b>Tidak tahu</b>	7	14.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Tidak setuju</b>	26	52.0	<b>Tidak setuju</b>	11	22.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	12	24.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	35	70.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 8, 38 orang (76%) sampel kelas biasa dan 42 orang (92%) sampel kelas POL berpendapat bahawa mereka tidak benci terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Hanya 12 orang (24%) sampel kelas biasa dan 2 orang sampel (4%) kelas POL berpendapat bahawa mereka benci akan mata pelajaran Bahasa Tamil kerana terdapat terlalu banyak tatabahasa yang sukar difahami. Pengkaji berpendapat bahawa guru seharusnya memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah yang dihadapi pelajar yang sukar faham tentang tatabahasa. Pengkaji berpendapat membuat latihan tubi yang banyak boleh membantu para pelajar untuk memahami tatabahasa.

**Jadual 34: Pelajar berasa bosan terhadap pembelajaran Bahasa Tamil.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Tidak tahu</b>	7	14.0	<b>Setuju</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	26	52.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	17	34.0	<b>Tidak setuju</b>	11	22.0
			<b>Sangat tidak setuju</b>	36	72.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Bagi soalan 9, 43 orang (86%) sampel kelas biasa dan 47 orang (94%) sampel kelas POL merasa tidak bosan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Seramai 7 orang (14%) sampel kelas biasa tidak tahu yang mereka bosan terhadap pembelajaran Bahasa Tamil. Suasana bilik darjah yang ceria dan teknik pengajaran yang sesuai dengan kehendak pelajar akan mengelakkan kebosanan pelajar. Guru seharusnya memerhatikan gerak-geri pelajar agar sentiasa waspada terhadap tingkah laku. Jika pelajar sudah mula rasa bosan, guru hendaklah mengubah cara pengajaran agar pelajar tidak berasa bosan.

**Jadual 35: Pelajar mempelajari Bahasa Tamil kerana dipaksa oleh ahli keluarga.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	4	8.0	<b>Setuju</b>	2	4.0
<b>Setuju</b>	5	10.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Tidak tahu</b>	2	4.0	<b>Tidak setuju</b>	7	14.0
<b>Tidak setuju</b>	25	50.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	39	78.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	14	28.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Dapatan jadual di atas menunjukkan bahawa 39 orang (78%) sampel kelas biasa dan 46 orang (94%) sampel kelas POL berpendapat bahawa mereka belajar Bahasa Tamil dengan rela hati. Walaupun begitu masih terdapat 9 orang (18%) sampel kelas biasa dan 2 orang (4%) sampel kelas POL mempelajari bahasa Tamil kerana paksaan ahli keluarga. Jika sesuatu mata pelajaran dipaksa untuk belajar, memang pelajar akan merasa bosan dan akhirnya akan putus asa. Ibu bapa hendaklah memastikan agar anak mereka belajar sesuatu mata pelajaran tanpa paksaan. Hal ini akan menjamin kejayaan pelajar berkenaan pada masa akan datang.

**Jadual 36: Bahasa Tamil penting dalam kehidupan pelajar.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	27	54.0	<b>Sangat setuju</b>	46	92.0
<b>Setuju</b>	11	22.0	<b>Setuju</b>	4	8.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8.0			
<b>Tidak setuju</b>	6	12.0			
<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 11, sampel kelas POL 50 orang (100%) bersetuju bahawa Bahasa Tamil adalah penting dalam kehidupan mereka. Sementara itu hanya 38 orang (76%) sampel kelas biasa yang bersetuju Bahasa Tamil adalah penting dalam kehidupan mereka. Perbezaan 12 orang (24%) antara sampel kelas POL dengan sampel kelas biasa membuktikan bahawa sampel kelas POL begitu intim dengan Bahasa Tamil. Menerusi pemerhatian pengkaji didapati, segelintir sampel dalam kelas biasa menghadapi kesukaran dalam mempelajari Bahasa Tamil. Mungkin bagi sampel berkenaan berpendapat bahawa Bahasa Tamil tidak penting bagi kehidupan mereka.

**Jadual 37: Pelajar akan meneruskan pelajaran mereka di dalam bidang yang berkaitan dengan Bahasa Tamil semasa memasuki universiti**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	9	18.0	<b>Sangat setuju</b>	21	42.0
<b>Setuju</b>	9	18.0	<b>Setuju</b>	11	22.0
<b>Tidak tahu</b>	14	28.0	<b>Tidak tahu</b>	13	26.0
<b>Tidak setuju</b>	11	22.0	<b>Tidak setuju</b>	3	6.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	7	14.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan jadual di atas, 18 orang (36%) sampel kelas biasa dan 32 orang (64%) sampel kelas POL menyatakan bahawa mereka akan meneruskan pelajaran mereka di dalam bidang berkaitan dengan bahasa Tamil semasa memasuki universiti. Keinginan sampel kelas POL untuk meneruskan pelajaran dalam bidang Bahasa Tamil di universiti adalah 14 orang (28%) sampel lebih tinggi berbanding sampel kelas biasa. Mungkin seramai 18 orang (36%) sampel kelas biasa dan 5 orang (10%) sampel kelas POL berhasrat mempelajari bidang lain selain Bahasa Tamil semasa memasuki universiti. Kini peluang mempelajari dalam bidang Bahasa Tamil memang terbuka luas terutamanya di Universiti Malaya. Pelajar yang mempunyai cita-cita untuk memperoleh segulung ijazah dalam ilmu Bahasa Tamil boleh mengatur langkah mulai sekarang.

**Jadual 38: Belajar Bahasa Tamil waktu petang menyebabkan pelajar terpaksa berbelanja lebih untuk makan dan tambang bas.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	15	30.0	<b>Sangat setuju</b>	3	6.0
<b>Setuju</b>	12	24.0	<b>Setuju</b>	5	10.0
<b>Tidak tahu</b>	11	22.0	<b>Tidak tahu</b>	5	10.0
<b>Tidak setuju</b>	4	8.0	<b>Tidak setuju</b>	13	26.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	8	16.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	24	48.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Berdasarkan jadual di atas 27 orang (54%) sampel kelas biasa dan 8 orang (16%) sampel kelas POL berpendapat bahawa jika mereka belajar Bahasa Tamil waktu petang, akan menyebabkan mereka berbelanja lebih untuk tambang bas dan makan. Manakala 12 orang (24%) sampel kelas biasa dan 37 orang (74%) sampel kelas POL berpendapat sebaliknya. Ini memberi maksud bahawa walaupun sampel luar jadual belajar di luar waktu persekolahan, mereka merasakan bahawa mereka tidak berbelanja wang yang banyak untuk makan dan tambang bas. Pengkaji berpendapat bahawa sampel di dalam kelas biasa mungkin bimbang kerana terpaksa belanja lebih jika belajar di dalam kelas POL. Mungkin sebab ini, sebanyak 27 orang (54%) sampel kelas biasa sehaluan dengan soalan 14.

**Jadual 39: Sekiranya ada ujian atau tugas berkaitan Bahasa Tamil, pelajar akan berusaha untuk mendapatkan markah yang tinggi.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	23	46.0	<b>Sangat setuju</b>	40	80.0
<b>Setuju</b>	13	26.0	<b>Setuju</b>	9	18.0
<b>Tidak tahu</b>	6	12.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	6	12.0			
<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4.0			
<b>Jumlah</b>	50	100	<b>Jumlah</b>	50	100

Harapan seseorang pelajar adalah untuk mendapat markah yang tinggi dalam setiap peperiksaan. Maka pelajar yang mengambil Bahasa Tamil juga tidak ketinggalan dalam hal ini. Seramai 37 orang (72%) Sampel kelas biasa dan 49 orang (98%) sampel kelas POL menyatakan bahawa mereka akan berusaha untuk dapatkan markah yang tinggi. Hanya 8 orang (16%) sampel kelas biasa yang tidak berusaha ke arah tersebut. Kemungkinan sampel berkenaan tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.



**Jadual 40: Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil berlaku setiap minggu tanpa gangguan.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	12	24.0	<b>Sangat setuju</b>	16	32.0
<b>Setuju</b>	20	40.0	<b>Setuju</b>	21	42.0
<b>Tidak tahu</b>	6	12.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	9	18.0	<b>Tidak setuju</b>	9	18.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	3	6.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	3	6.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Seharusnya pengajaran dan pembelajaran hendaklah berjalan setiap minggu tanpa gangguan. Maka 32 orang (64%) sampel kelas biasa dan 37 orang (74%) sampel kelas POL bersetuju bahawa di sekolah mereka pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil berjalan tanpa gangguan. Masing-masing 12 orang (24%) sampel kelas biasa dan kelas POL berpendapat bahawa berlaku gangguan semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah mereka. Pengajaran dan pembelajaran terganggu mungkin disebabkan oleh guru-guru mengikuti kursus ataupun menghadiri mesyuarat yang dianjurkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Jadual 41: Latihan yang mencukupi untuk pembelajaran bahasa Tamil**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	22	44.0	<b>Sangat setuju</b>	34	68.0
<b>Setuju</b>	20	40.0	<b>Setuju</b>	14	28.0
<b>Tidak tahu</b>	3	6.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	4	8.0	<b>Sangat tidak</b>	1	2.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0	<b>setuju</b>		
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Berdasarkan soalan 17, para sampel mengakui bahawa guru memberi latihan yang mencukupi kepada mereka. Ini dapat dilihat dengan 42 orang (84%) sampel kelas POL dan 48 orang (96%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru Bahasa Tamil memberikan latihan yang mencukupi untuk pembelajaran Bahasa Tamil. Hanya 5 orang (10%) sampel kelas biasa dan seorang (2%) sampel kelas POL tidak setuju bahawa guru mereka tidak memberi latihan yang cukup dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, seseorang guru seharusnya memberi latihan yang secukupnya bagi memperkukuhkan lagi objektif pengajaran dan pembelajaran pada hari itu. Jika tidak diberi latihan, mungkin guru menghadapi masalah untuk menilai sejauh manakah pelajar dalam kelas tersebut mencapai objektif pada hari itu.

**Jadual 42: Penerangan yang diberikan oleh guru Bahasa Tamil memudahkan pelajar membuat latihan yang diberi**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	21	42.0	<b>Sangat setuju</b>	30	60.0
<b>Setuju</b>	22	44.0	<b>Setuju</b>	18	36.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8.0	<b>Tidak setuju</b>	2	4.0
<b>Tidak setuju</b>	3	6.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Bagi soalan 18, 42 orang (84%) sampel kelas biasa dan 48 orang (96%) sampel kelas POL menyatakan bahawa penerangan yang diberikan oleh guru Bahasa Tamil memudahkan pelajar membuat latihan yang diberikan oleh guru. Perkara ini membuktikan bahawa guru-guru memang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Seramai 4 orang (8%) sampel kelas biasa menyatakan bahawa mereka tidak tahu yang penerangan yang diberikan oleh guru membantu mereka membuat latihan. Hanya 3 orang (6%) sampel kelas biasa dan 2 (4%) orang sampel kelas POL tidak setuju dengan soalan di atas.

**Jadual 43: Guru kerap menanda buku latihan pelajar.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	7	14.0	<b>Sangat setuju</b>	26	52.0
<b>Setuju</b>	30	60.0	<b>Setuju</b>	12	24.0
<b>Tidak tahu</b>	6	12.0	<b>Tidak tahu</b>	9	18.0
<b>Tidak setuju</b>	3	6.0	<b>Tidak setuju</b>	2	4.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	4	8.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Menanda buku latihan pelajar adalah salah satu tugas utama seorang guru. Sehubungan dengan hal ini, 37 orang (74%) sampel kelas biasa dan 38 orang (76%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru mereka kerap menanda buku latihan mereka. 6 orang (12%) sampel kelas biasa dan 9 orang (18%) sampel kelas POL tidak tahu sama ada buku mereka ditanda oleh guru atau tidak. Seramai 7 orang (14%) sampel kelas biasa dan 3 orang (6%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru mereka tidak menanda buku latihan mereka. Seharusnya perkara ini tidak boleh berlaku. Walaupun guru sibuk dengan tugas mereka, mereka tidak seharusnya lupa untuk menanda buku latihan.

**Jadual 44: Guru memberi lebih dari satu karangan dalam seminggu.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	11	22.0	<b>Sangat setuju</b>	15	30.0
<b>Setuju</b>	25	50.0	<b>Setuju</b>	24	48.0
<b>Tidak tahu</b>	3	6.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Tidak setuju</b>	6	12.0	<b>Tidak setuju</b>	7	14.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	5	10.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Kebanyakan guru dalam kajian ini penuh bertanggungjawab kerana sentiasa komited dalam kerja mereka. Perkara ini dibuktikan dengan jawapan sampel yang menyatakan bahawa 36 orang (72%) sampel kelas biasa dan 39 orang (78%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru mereka memberi lebih dari satu karangan dalam seminggu. Dalam pada itu, Seramai (11) 22% sampel kelas biasa dan 8 (16%) sampel kelas POL berpendapat bahawa guru mereka hanya memberi satu karangan sahaja dalam seminggu.

**Jadual 45: Guru sering menceritakan mengenai kepentingan Bahasa Tamil.**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	19	38.0	<b>Sangat setuju</b>	27	54.0
<b>Setuju</b>	26	52.0	<b>Setuju</b>	16	32.0
<b>Tidak tahu</b>	3	6.0	<b>Tidak tahu</b>	6	12.0
<b>Tidak setuju</b>	1	2.0	<b>Tidak setuju</b>	1	2.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0			
<b>Jumlah</b>	50	100	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Majoriti sampel berpendapat guru sering menyatakan kepentingan Bahasa Tamil kepada para sampel. Ini dapat dilihat apabila 45 orang (90%) sampel kelas biasa dan 43 orang (86%) sampel kelas POL setuju dengan soalan 21. 3 orang (6%) sampel kelas biasa dan 6 orang (12%) sampel kelas POL tidak tahu sama ada guru sering menceritakan mengenai kepentingan Bahasa Tamil kepada mereka. Guru sebagai model kepada para pelajar, semestinya menceritakan kepentingan Bahasa Tamil kepada para pelajar. Para guru Bahasa Tamil seharusnya memainkan peranan yang sewajarnya bagi memartabatkan Bahasa Tamil di Malaysia.

**Jadual 46: Guru Bahasa Tamil sedia membantu dalam penyelesaian masalah Bahasa Tamil di luar waktu pengajaran**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat setuju</b>	19	38.0	<b>Sangat setuju</b>	34	68.0
<b>Setuju</b>	20	40.0	<b>Setuju</b>	13	26.0
<b>Tidak tahu</b>	5	10.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Tidak setuju</b>	2	4.0	<b>Tidak setuju</b>	1	2.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	4	8.0			
<b>Jumlah</b>	50	100	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 22, seramai 38 orang (78%) sampel kelas biasa dan 47 orang (94%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru Bahasa Tamil mereka sedia membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah Bahasa Tamil di luar waktu pengajaran. 6 orang (12%) sampel kelas biasa menyatakan bahawa guru mereka tidak membantu di luar waktu pengajaran. Kemungkinan sampel ini pasif dan malu berjumpa dengan guru mereka. Berbanding dengan sampel kelas POL hanya seorang sahaja (2%) menyatakan gurunya tidak membantu di luar waktu pengajaran.

**Jadual 47: Guru Bahasa Tamil mesra.**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	22	44.0	<b>Sangat setuju</b>	34	68.0
<b>Setuju</b>	14	28.0	<b>Setuju</b>	14	28.0
<b>Tidak tahu</b>	11	22.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	2	4.0
<b>Tidak setuju</b>	3	6.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Dapatan jadual di atas menunjukkan bahawa guru-guru memang mesra terhadap para sampel. Sokongan 36 orang (72%) sampel kelas biasa dan 48 orang (96%) sampel kelas POL membuktikan perkara di atas. Perbezaan 12 orang (24%) antara sampel kelas biasa dengan sampel POL menunjukkan bahawa guru POL lebih mesra berbanding guru yang mengajar dalam waktu persekolahan. Jika guru mesra dengan para pelajar masalah yang dihadapi semasa pengajaran dan pembelajaran boleh diselesaikan dengan lebih mudah. 11 orang (22%) sampel kelas biasa berpendapat bahawa mereka tidak pasti adakah guru mereka mesra atau tidak dengan mereka. Hanya 3 orang (6%) sampel kelas biasa dan 2 orang (4%) sampel kelas POL tidak setuju bahawa guru mereka mesra dengan mereka. Mungkin pelajar ini menghadapi masalah disiplin dan guru sentiasa menegur mereka hingga menyebabkan hubungan guru dengan pelajar tidak mesra.



**Jadual 48: Hubungan guru Bahasa Tamil dengan pelajar baik walaupun di luar waktu Bahasa Tamil**

KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	26.0	52.0	<b>Sangat setuju</b>	39	78.0
<b>Setuju</b>	20.0	40.0	<b>Setuju</b>	9	18.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8.0	<b>Tidak tahu</b>	2	4.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100

Hubungan guru dan pelajar seharusnya baik walaupun di luar waktu persekolahan. Kebanyakan sampel bersetuju dengan soalan 24 ini. Seramai 46 orang (92%) sampel kelas biasa dan 48 orang (96%) sampel kelas POL menyatakan bahawa hubungan guru Bahasa Tamil dengan mereka baik walaupun di luar waktu Bahasa Tamil. Hanya 4 orang (8%) sampel kelas biasa dan 2 orang (4%) sampel kelas POL tidak setuju dengan soalan 24.

**Jadual 49: Galakan dan dorongan guru Bahasa Tamil menyebabkan pelajar lebih berminat terhadap Bahasa Tamil.**

DALAM KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	17	34.0	<b>Sangat setuju</b>	35	70.0
<b>Setuju</b>	18	36.0	<b>Setuju</b>	14	28.0
<b>Tidak tahu</b>	4	8.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	10	20.0			
<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Penganalisan jadual di atas menunjukkan 35 orang (70%) sampel kelas biasa dan 49 orang (98%) sampel kelas POL berpendapat bahawa galakan dan dorongan guru Bahasa Tamil menyebabkan mereka lebih berminat terhadap Bahasa Tamil. Peratus sampel kelas POL adalah lebih tinggi iaitu melebihi 14 orang (28) berbanding sampel kelas biasa. Seramai 12 orang (24%) sampel kelas biasa tidak setuju bahawa guru mereka memberi galakan dan dorongan kepada mereka. Apabila guru memberi galakan dan dorongan kepada para pelajar, perkara seumpama ini akan menjadi motivasi kepada pelajar agar terus berusaha ke arah kecemerlangan.

**Jadual 50: Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	2	4.0	<b>Sangat setuju</b>	2	4.0
<b>Setuju</b>	2	4.0	<b>Setuju</b>	3	6.0
<b>Tidak tahu</b>	6	12.0	<b>Tidak tahu</b>	8	16.0
<b>Tidak setuju</b>	25	50.0	<b>Tidak setuju</b>	19	38.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	15	30.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	18	36.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Kebanyakan guru Bahasa Tamil lemah dalam penggunaan dalam ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini terbukti dengan dapatan di atas. 40 orang (80%) sampel kelas biasa dan 37 orang (74%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru mereka tidak menggunakan kemudahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Hanya 4 orang (8%) sampel kelas biasa dan 5 orang (10%) sampel kelas POL bersetuju guru mereka menggunakan kemudahan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam dunia moden ini, pengkaji berpendapat bahawa guru Bahasa Tamil seharusnya menggunakan kemudahan ICT agar pelajar lebih minat dalam mempelajari Bahasa Tamil. Jika masih menggunakan keadah pedagogi yang lama, mungkin pelajar cara bosan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil.

**Jadual 51: Guru Bahasa Tamil menjadi idola kepada pelajar**

<b>KELAS BIASA</b>			<b>KELAS POL</b>		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	10	20.0	<b>Sangat setuju</b>	12	24.0
<b>Setuju</b>	17	34.0	<b>Setuju</b>	18	36.0
<b>Tidak tahu</b>	12	24.0	<b>Tidak tahu</b>	12	24.0
<b>Tidak setuju</b>	10	20.0	<b>Tidak setuju</b>	5	10.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	1	2.0	<b>Sangat tidak setuju</b>	3	6.0
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Berdasarkan soalan 27, seramai 27 orang (54%) sampel kelas biasa dan 30 orang (60%) sampel kelas POL menyatakan bahawa guru Bahasa Tamil mereka menjadi idola mereka. Bagi sampel lain, mungkin guru Bahasa Tamil mereka tidak menjadi idola mereka. Cara percakapan seseorang guru, gaya berpakaian, pergaulan mesra, cara berjalan, senyuman, keterampilan, penampilan diri dan sebagainya menjadi tarikan kepada pelajar untuk memilih idol mereka. Jika seseorang guru mereka mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan di atas, pasti mereka akan menjadi idola pelajar.

**Jadual 52: Bahasa Tamil sepatutnya dijadikan mata pelajaran wajib kepada semua pelajar India**

DALAM KELAS BIASA			KELAS POL		
	Kekerapan	Peratus		Kekerapan	Peratus
<b>Sangat setuju</b>	21	42.0	<b>Sangat setuju</b>	38	76.0
<b>Setuju</b>	12	24.0	<b>Setuju</b>	10	20.0
<b>Tidak tahu</b>	3	6.0	<b>Tidak tahu</b>	1	2.0
<b>Tidak setuju</b>	11	22.0	<b>Tidak setuju</b>	1	2.0
<b>Sangat tidak setuju</b>	3	6.0			
<b>Jumlah</b>	50	100.0	<b>Jumlah</b>	50	100.0

Bahasa Tamil merupakan bahasa yang dipertuturkan oleh kebanyakan masyarakat India di Malaysia. Bagi memartabatkan Bahasa Tamil di Malaysia, pengkaji berpendapat Bahasa Tamil semestinya dijadikan mata pelajaran wajib kepada semua pelajar India di Malaysia. Seramai 33 orang sampel kelas biasa dan 48 (96%) sampel kelas POL bersetuju agar Bahasa Tamil dijadikan sebagai mata pelajaran wajib kepada semua pelajar India. Manakala 14 orang (28%) sampel kelas biasa tidak setuju dengan cadangan di atas. Bahasa jiwa bangsa adalah slogan yang selalu dilaung-laungkan oleh para pejuang bahasa. Sekiranya Bahasa Tamil menjadi mata pelajaran wajib kepada pelajar India dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM, maka pelajar India akan bersungguh-sungguh dalam mempelajari Bahasa Tamil dan akhirnya Bahasa Tamil akan menjadi pilihan utama kepada pelajar India di Malaysia.

## **Penutup**

Pengkaji berharap analisis yang dilakukan terhadap persoalan-persoalan kajian dapat memberi satu gambaran yang jelas. Data-data yang dianalisis dalam bab ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana, data-data ini diperolehi dari pelbagai sumber.